



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ADAB MASYARAKAT MELAYU LAMA DALAM HIKAYAT HANG TUAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ADAB MASYARAKAT MELAYU
LAMA DALAM HIKAYAT
HANG TUAH**

MUHAMMAD SUFI BIN AHMAD NAZRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA PERADABAN MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila Taipkan (✓):**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

| |
|--|
| |
| |
| |
| |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **SELASA (16) JULAI 2019.**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MUHAMMAD SUFI BIN AHMAD NAZRI M20151000945 INSTITUT PERADABAN MELAYU**dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **ADAB MASYARAKAT MELAYU LAMA DALAM HIKAYAT HANG TUAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DATO' PADUKA DR. MOHD ROSLI BIN SALUDIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ADAB MASYARAKAT MELAYU LAMA DALAM HIKAYAT HANG TUAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **IJAZAH SARJANA SASTERA.**

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat juga saya menyiapkan Disertasi yang bertajuk “*Adab Masyarakat Melayu Lama Dalam Hikayat Hang Tuah*”. Disertasi ini merupakan kajian yang sangat penting kepada saya sebagai seorang pelajar pascasiswazah sebelum menghabiskan pengajian di universiti.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada individu-individu penting yang banyak membantu saya sepanjang menyiapkan Disertasi ini. Pertama sekali saya ucapan terima kasih kepada penyelia tesis, Prof. Madya Dato’ Paduka Dr. Mohd Rosli bin Saludin dan tidak terkecuali juga kepada Prof. Madya Dr. Azhar bin Abd Wahid yang telah banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajar kepada saya.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada pihak responden kerana telah memberikan kerjasama yang sangat jitu kepada saya bagi menjalankan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua sekali yang terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan meneliti unsur adab dan tatacara kehidupan orang Melayu terdahulu yang terdapat dalam teks *Hikayat Hang Tuah*. Objektif kajian adalah untuk menerangkan definisi adab dan peradaban dalam konteks yang sebenar, mengenal pasti jenis amalan adab yang wujud dalam teks *Hikayat Hang Tuah* dan menganalisis kesan amalan adab yang dicapai dalam hikayat tersebut. Pengkaji memilih menggunakan teori kajian budaya (*culturul studies theory*) sebagai asas analisis dalam kajian ini. Teori ini mengkaji tindakan manusia dalam membentuk masyarakatnya. Dapatkan kajian mendapati banyak unsur adab dalam kalangan masyarakat Melayu lama yang wujud dalam hikayat tersebut. Unsur adab tersebut merangkumi adab dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Selain daripada unsur adab, kesan pengamalan adab kepada empayar kesultanan Melayu Melaka juga diambil sebagai hasil daptatan kajian. Sebagai kesimpulan, terdapat banyak unsur adab yang dimiliki dan diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu. Amalan adab yang diamalkan juga dilihat telah memberi kesan kepada pencapaian dan kejayaan kerajaan kesultanan Melayu Melaka. Implikasinya, dapatkan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada umum mengenai amalan adab orang Melayu terdahulu dalam kehidupan seharian.





OLD MALAY MANNERS IN HIKAYAT HANG TUAH

ABSTRACT

This study aims to analyze and examine the elements of manners and practices of the early Malay life contained in the text of *Hikayat Hang Tuah*. The objective of the study is to explain the definition of manners and civilizations in the real context, identifying the types of manners practiced in the *Hikayat Hang Tuah* text and analyzing the effects of manners in this hikayat. The researcher chose to use cultural studies theory as the basis of analysis in this study. This theory examines human actions to forming the community. The findings show that there are many elements of manners in the old Malay community exist in the hikayat. The elements of manners include manners in social, economic and political aspects. Apart from the elements of manners, the effect of the practice manners on the empire Malay sultanate of Malacca was also taken as the findings of the study. As a conclusion, there are many elements of manners were belonged and practiced by the previous Malay community. The practices are believed to be contributing in the achievements and successes of the Malay sultanate of Malacca. The implications of this study was to be used as a guide to the public on the practice of the early Malays in everyday life.





KANDUNGAN

Muka surat

| | |
|------------------------------------|----|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
|------------------------------------|----|

| | |
|--------------------|-----|
| PENGHARGAAN | iii |
|--------------------|-----|

| | |
|----------------|----|
| ABSTRAK | iv |
|----------------|----|

| | |
|-----------------|---|
| ABSTRACT | v |
|-----------------|---|

| | |
|------------------|----|
| KANDUNGAN | vi |
|------------------|----|



| | |
|----------------------|-----|
| SENARAI RAJAH | xii |
|----------------------|-----|

| | |
|--------------------------------------|------|
| SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH | xiii |
|--------------------------------------|------|

| | |
|-------------------------|------|
| SENARAI LAMPIRAN | xiii |
|-------------------------|------|

| | |
|--------------------------|---|
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
|--------------------------|---|

| | |
|----------------|---|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
|----------------|---|

| | |
|-------------------------|---|
| 1.2 Permasalahan Kajian | 5 |
|-------------------------|---|

| | |
|---------------------|---|
| 1.3 Objektif Kajian | 8 |
|---------------------|---|

| | |
|-------------------|---|
| 1.4 Soalan Kajian | 8 |
|-------------------|---|

| | |
|------------------------|---|
| 1.5 Kepentingan Kajian | 8 |
|------------------------|---|

| | |
|---|---|
| 1.5.1 Rujukan Kepada Umum Berkaitan Amalan Adab Tradisi Masyarakat Melayu. | 9 |
|---|---|





| | |
|---|----|
| 1.5.2 Penelitian Manuskrip atau Naskhah Melayu Dari Sudut Kaca Mata Melayu. | 10 |
| 1.5.3 Pertambahan Bilangan Penyelidikan Dalam Sastera Melayu | 11 |
| 1.6 Definisi Konsep dan Operasional | 12 |
| 1.6.1 Adab | 12 |
| 1.6.2 Masyarakat | 14 |
| 1.6.3 Melayu | 15 |
| 1.6.4 Melayu Menurut Perlembagaan Malaysia | 17 |
| 1.6.5 Hikayat Hang Tuah | 17 |
| 1.6.6 Teori Kajian Budaya (<i>Cultural studies theory</i>) | 18 |
| 1.7 Batasan Kajian | 19 |
| 1.8 Kesimpulan | 21 |
| BAB 2 KAJIAN LITERATUR | 22 |
| 2.1 Pengenalan | 22 |
| 2.2 Kajian Berkaitan Adab, Peradaban dan <i>Hikayat Hang Tuah</i> | 23 |
| 2.2.1 Tinjauan Kajian Dalam Negara. | 23 |
| 2.2.1.1 Tesis Doktor Falsafah (PHD) | 23 |
| 2.2.1.2 Tesis Ijazah Sarjana (Master) | 24 |
| 2.2.1.3 Buku | 25 |
| 2.2.1.4 Jurnal | 32 |
| 2.2.2 Tinjauan Kajian Luar Negara | 33 |
| 2.2.2.1 Buku | 33 |





| | | |
|--------------------------------|--|----|
| 2.2.2.2 | Jurnal | 34 |
| 2.3 | Kesimpulan | 36 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | | 37 |
| 3.1 | Pengenalan | 37 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 38 |
| 3.3 | Kerangka Kajian | 41 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 42 |
| 3.4.1 | Kajian Teks | 42 |
| 3.4.2 | Kajian Kepustakaan | 43 |
| 3.5 | Teori Kajian Budaya (<i>Cultural Studies Theory</i>) | 43 |
| 3.6 | Prinsip Teori | 46 |
| 3.7 | Aplikasi Teori | 48 |
| 3.8 | Penganalisisan Maklumat dan Fakta | 49 |
| 3.9 | Kesimpulan | 49 |
| BAB 4 DAPATAN KAJIAN | | 51 |
| 4.1 | Pengenalan | 51 |
| 4.2 | Maksud Adab dan Peradaban Dalam Konteks Yang Sebenar | 52 |
| 4.3 | Unsur Unsur Adab Dalam Teks <i>Hikayat Hang Tuah</i> | 57 |
| 4.3.1 | Adab Dalam Sosial | 58 |
| 4.3.1.1 | Cinta Ilmu | 59 |





| | | |
|--------------|--|-----|
| 4.3.1.2 | Hormat Tetamu | 62 |
| 4.3.1.3 | Taat dan Hormat Ibu-Bapa | 65 |
| 4.3.1.4 | Menjaga Hubungan Saudara | 66 |
| 4.3.1.5 | Muafakat dan Bekerjasama | 68 |
| 4.3.1.6 | Taat dan Setia Kepada Raja | 70 |
| 4.3.1.7 | Berhemah Ketika Meminang | 72 |
| 4.3.1.8 | Menghormati Guru | 74 |
| 4.3.1.9 | Bersopan Dalam Pemakaian | 75 |
| 4.3.1.10 | Keberanian Menentang Musuh (Patriotisme) | 77 |
| 4.3.1.11 | Berdikari Dalam Kehidupan | 79 |
| 4.3.2 | Adab Dalam Ekonomi | 80 |
| 4.3.2.1 | Pemberian Upah | 81 |
| 4.3.2.2 | Keterbukaan (Urusan Jual Beli dengan India) | 82 |
| 4.3.2.3 | Keterbukaan (Urusan Jual Beli dengan Siam) | 84 |
| 4.3.2.4 | Keterbukaan (Urusan Jual Beli dengan Sailan) | 86 |
| 4.3.2.5 | Keterbukaan (Urusan Jual Beli dengan Rom) | 87 |
| 4.3.3 | Adab Dalam Politik | 88 |
| 4.3.3.1 | Perluasan Kuasa Melalui Perkahwinan | 89 |
| 4.3.3.2 | Cukai | 93 |
| 4.3.3.3 | Pelantikan Pegawai | 94 |
| 4.3.3.4 | Pelantikan Raja Muda | 96 |
| 4.3.3.5 | Hubungan Diplomatik (India) | 97 |
| 4.3.3.6 | Hubungan Diplomatik (China) | 100 |
| 4.3.3.7 | Hubungan Diplomatik (Majapahit) | 102 |
| 4.3.3.8 | Hubungan Diplomatik (Brunei) | 103 |
| 4.4 | Penemuan Kesan Amalan Adab dalam <i>Hikayat Hang Tuah.</i> | 104 |
| 4.4.1 | Kesan Pengamalan Adab Bersosial Kepada Empayar Melaka | 105 |
| 4.4.2 | Kesan Pengamalan Adab Berekonomi Kepada Empayar Melaka | 109 |
| 4.4.3 | Kesan Pengamalan Adab Berpolitik Kepada Empayar Melaka | 113 |
| 4.5 | Kesimpulan | 116 |
| BAB 5 | RUMUSAN DAN CADANGAN | 118 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x

| | |
|---------------------|-----|
| 5.1 Pengenalan | 118 |
| 5.2 Penemuan Kajian | 119 |
| 5.3 Cadangan | 123 |
| 5.4 Kajian Lanjutan | 124 |
| 5.5 Kesimpulan | 126 |
| RUJUKAN | 128 |
| LAMPIRAN | 131 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI RAJAH**

| No. Rajah | Muka surat |
|--------------------------------------|------------|
| 3.1 Kerangka Kajian | 41 |
| 3.2 Prinsip Teori Kajian Budaya | 47 |





SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH

| | |
|--------------|--|
| GST | Goods and Services tax |
| Inderapura | Pahang |
| Sailan | Sri Lanka |
| Benua Keling | India |
| Temasik | Singapura |
| Bentan | Pulau Bintan di Kepulauan Riau Indonesia |
| Tuban | Daerah di Jawa Timur, Indonesia |
| Siam | Thailand |
| Majapahit | Kerajaan di Jawa Timur, Indonesia |
| Rekidai Hoan | Dokumen berharga generasi turun temurun |
| Ma Lai Mo | Sejenis binatang Tenuk |





SENARAI LAMPIRAN

- A Muka depan Buku Hikayat Hang Tuah antara dokumen kajian dilakukan oleh pengkaji
- B Halaman belakang Buku Hikayat Hang Tuah antara dokumen kajian dilakukan oleh pengkaji
- C Peta perjalanan Hang Tuah
- D Buku oleh Virginia Matheson Hooker (pengkaji). Tuhfat al-Nafis. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka.
- E Buku W.G Shellabear (penyunting). 1967. Sejarah Melayu. Kuala Lumpur. Oxford University Press
- F Catatan dokumen No 10 Surat daripada Sultan Melaka yang ditulis bagi pihak Baginda oleh Laksamana (Hang Tuah) (Versi asal bahasa Cina)
- G Catatan dokumen No 10 Surat daripada Sultan Melaka yang ditulis bagi pihak Baginda oleh Laksamana (Hang Tuah) (telah diterjemah dalam bahasa Inggeris)
- H Catatan dokumen No 10 Surat daripada Sultan Melaka yang ditulis bagi pihak Baginda oleh Laksamana (Hang Tuah) (Versi bahasa Melayu)





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Sebuah hikayat atau epik yang menceritakan mengenai kewujudan pahlawan yang menjadi ikon dan simbol kepada negara sememangnya wujud. Hikayat dan epik ini bukanlah hanya terkenal dalam kalangan masyarakat orang Melayu malah juga terkenal di negara Barat, Timur mahupun seluruh dunia. Kita sering dengar dan percaya bahawa wujudnya sebuah karya besar yang hebat dalam sastera India seperti epik *Ramayana* dan *Mahabharata*, dalam epik Yunani yang dikenali sebagai *Illiad* dan *Odyssey*, sastera Inggeris pula dikenali sebagai epik *Beowulf* dan *Paradise Lost*. Epik *Gilgamesh* dari Mesopotamia atau Iran di masa kini. Begitu juga sastera Melayu yang dikenali kini sebagai epik atau *Hikayat Hang Tuah*. Ini semua merupakan karya sastera atau hikayat dan epik yang menceritakan tokoh-tokoh yang dianggap wira negara dan memberi sumbangan besar kepada pembentukan tamadun.





Ada yang menganggap hikayat dan epik ini adalah cerita rakyat. Malah ada juga yang menganggap ia adalah sebuah novel klasik dan kesemuanya adalah cerita dongeng. Tidak dinafikan memang ada unsur dongeng dalam sesebuah cerita, kerana hikayat adalah bukan sejarah. Jika mahu mengambil keseluruhan fakta sejarah daripada hikayat maka ini tidak tepat. Tetapi, jika dinilai unsur sastera, nilai, gaya bahasa, soal politik, kepimpinan, kepahlawanan, patriotisme, jati diri dan kenegaraan maka hikayat adalah tempatnya. Benar, jika menyebut hikayat maka mesti ada unsur dongeng dalam menguatkan watak yang disanjung. Tetapi unsur sejarah mengenai tarikh kewujudan zaman tersebut, cara hidup, cara pemerintahan dan cara berperang boleh diambil kira dalam hikayat tersebut. Dan fakta mendapati epik dan hikayat mengenai kewujudan pahlawan pada era tertentu memang selari dengan catatan sejarah.



Sebagaimana fakta kewujudan Hang Tuah telah berjaya dibuktikan berdasarkan dokumen primer yang ditemui apabila kajian menemui 19 pucuk surat daripada kerajaan Ryukyu Jepun kepada kerajaan Melaka dan 11 surat daripada Melaka kepada Ryukyu. Dokumen yang tercatat daripada Melaka secara langsung berkaitan dengan Laksamana Hang Tuah bertarikh 1580 dan 1481 (Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin, 2015). Bukti ini secara tidak langsung mengangkat martabat kewujudan pahlawan Melayu sebagaimana masyarakat percaya kewujudan lagenda dunia Alexander the Great, Julius Caesar dan Laksamana Zheng He (Cheng Ho). Bukti sebegini lebih membuka mata masyarakat mengenai epik sastera yang wujud bukanlah suatu dongengan semata-mata. Dan kini epik klasik mendapat tumpuan masyarakat dan dunia khususnya.





Sebagaimana, hikayat dan epik klasik sebegini sering kali mendapat perhatian ramai masyarakat yang peka mengenai sejarah. Malah cerita sebegini juga sering mendapat perhatian industri perfileman dalam menghasilkan filem yang bermutu dan kualiti. Maka ahli sejarawan yang wujud yang mengkaji sejarah dan sastera klasik menjadi tumpuan dan tidak dinafikan idea dan kajian mereka terhadap pembangunan sosial masyarakat dan juga ekonomi sesebuah negara. Mana tidaknya jika industri filem dunia telah membuktikan filem yang dicipta berunsurkan perperangan perebutan empayar dan mempertahankan takhta kerajaan tamadun kuno terdahulu mendapat sambutan masyarakat dunia.

Hal ini terbukti apabila sebuah filem *Troy* yang menceritakan tentang perperangan Yunani dengan Trojan yang berlaku dalam tamadun Yunani atau Greek.

Begitu juga seperti filem *Robin Hood* yang memberi gambaran tentang watak seorang wira dalam tamadun Inggeris. Begitu juga filem *Ashoka* yang menceritakan watak wira bagi masyarakat India. Filem *The Persian* juga mendapat sambutan apabila menggambarkan perperangan dua empayar Rom dan Parsi. Filem Melayu *Hikayat Merong Mahawangsa* terbitan Kru studios juga terkenal yang menceritakan mengenai sejarah kerajaan Kedah.

Filem-filem yang mengandungi unsur sejarah dan diambil daripada hikayat klasik sebegini bukanlah hanya sekadar memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai tamadun, empayar dan cara hidup masyarakat terdahulu, malah memberi pendedahan mengenai unsur klasik seperti gaya bahasa, tingkah laku dan peradaban terdahulu. Justeru, karya sastera klasik bukanlah sesuatu yang asing yang wujud pada zaman kini, malah dipelihara keasliannya dan juga mendapat tumpuan daripada ramai





sarjana dalam mengkaji unsur sastera dan sejarah epik terdahulu. Bukan itu sahaja karya klasik dan ahli sejarawan juga akan mendapat tumpuan daripada industri perfileman negara.

Maka, *Hikayat Hang Tuah* sebuah hikayat klasik orang Melayu perlulah dipelihara dan dikaji agar nilainya tidak lenyap ditelan arus zaman. Menjadi tanggungjawab orang Melayu itu sendiri memelihara pusaka warisannya tersendiri sebagaimana orang barat boleh menyanjung pusaka epik sastera mereka. Kata-kata Hang Tuah “Takkan Melayu hilang di dunia” harus dipegang dengan janji dan maruah. Jika dilihat dalam sejarah, Hang Tuah merupakan seorang pendekar Melayu yang dipercayai hidup pada kurun ke-16 semasa pemerintahan kesultanan Melayu Melaka. Maka mengkaji epik klasik *Hikayat Hang Tuah* bukanlah sesuatu yang sia-sia

malah boleh memberi manfaat kepada masyarakat mengenai sejarah perjuangan wira dan masyarakat orang Melayu yang wujud pada zaman kerajaan Melaka. Catatan sejarah telah tercatat bahawa era kerajaan kesultanan Melayu Melaka terdahulu telah mencapai kejayaan dari pelbagai aspek dan berjaya membina tamadun dan peradaban yang tinggi.

Justeru, satu kajian mengenai nilai kehidupan masyarakat Melayu terdahulu perlu dilakukan bagi memahami bagaimana orang terdahulu boleh mencapai nilai peradaban yang tinggi dan membanggakan. Semestinya perlu dilihat cara kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek yang menjadikan mereka mencapai nilai peradaban dan ketamadunan ketika itu. *Hikayat Hang Tuah* merupakan sebuah teks sastera Melayu klasik yang menukikan pelbagai peristiwa tentang cara kehidupan masyarakat Melayu Melaka abad ke-15. Masyarakat Melayu menilai tatacara





kehidupan zaman itu dari pelbagai sudut. Bagaimana pengamalan adab orang Melayu terdahulu sehingga mencapai peradaban. Jadi cerita hikayat ini kita ambil sebagai pengajaran dan pedoman dalam diri sendiri dan masyarakat.

1.2 Permasalahan Kajian

Umum mengetahui ketamadunan dan peradaban sesebuah negara bergantung kepada nilai modenisasi dan keluhuran kebudayaan yang dicapai di dalam sesebuah masyarakat. Manusia boleh menilai pencapaian peradaban dari pelbagai aspek. Tetapi jahil dalam membuat penilaian membuatkan masyarakat berlumba-lumba mencapai sesuatu perkara yang mendatangkan keburukan kepada negara kelak. Sedangkan aspek yang utama dalam peradaban itu sendiri terabai.



Kepesatan dan pembangunan sesebuah negara dinilai dari aspek pembangunan masyarakat, pembangunan pembinaan, penguasaan ekonomi, pendidikan dan kuasa politik seperti mana kita melihat kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat dan sesetengah negara Eropah dan Timur Tengah. Secara keseluruhannya masyarakat menilai dari semua aspek yang boleh ditentukan tahap pencapaian sebuah peradaban dan ketamadunan dalam sesebuah negara. Masyarakat melihat negara sendiri yang pesat membangun dan merasakan kita telah mencapai peradaban yang tinggi dan mempunyai ketamadunan yang tersendiri.

Tetapi sebenarnya, konsep pencapaian peradaban itu sepatutnya dinilai dari aspek yang paling utama iaitu keluhuran tingkah laku, perbuatan dan adab. Apabila merasakan era kehidupan masyarakat kini telah mencapai peradaban yang jauh lebih





baik berbanding masyarakat dahulu kala. Tatkala hanya kerana mengukur dari sudut pesatnya infrastruktur pembinaan, bangunan pencakar langit dan perkembangan sains teknologi. Di manakah nilai peradaban yang merasakan hebat hari ini sedangkan masalah sosial sering kali berlaku tiada berkesudahan.

Pencapaian peradaban yang seharusnya memfokuskan aspek tingkah laku dan adab masyarakat perlu diketengahkan agar masyarakat tidak buta membuat penilaian yang terlalu materialistik tentang maksud pencapaian peradaban yang sebenar. Erti kata ketamadunan yang tidak harus disalahtafsirkan dengan hanya menilai dari sudut yang tertentu sahaja. Natijahnya, pemahaman tentang peradaban itu sendiri akan diwarisi akibat daripada kejahilan masyarakat. Justeru, kejahilan ini harus diubati dengan memberi pemahaman kepada masyarakat tentang erti kata peradaban dan ketamadunan yang sebenar.



Bukan itu sahaja, dalam kehidupan sosial kini, masyarakat juga dilihat kurang menghayati teks sastera klasik yang menukilkan tentang adab masyarakat Melayu dahulu kala. Bagaimana pengamalan masyarakat Melayu terdahulu merangkumi tatacara kehidupan, adat istiadat dan keagamaan. Perkara ini secara tidak langsung akan membuatkan masyarakat Melayu buta terhadap amalan tradisi dan adab asal usul mereka. Sedangkan identiti bangsa sepatutnya dipelihara dan diamalkan oleh generasi akan datang. Identiti Melayu seharusnya tidak lenyap ditelan zaman.

Adab dan tingkah laku masyarakat harus dikaji dengan cara meneliti amalan adab masyarakat kini dan terdahulu. Tujuannya, agar kita memahami istilah pencapaian peradaban masyarakat terdahulu dan masyarakat sekarang. Maka





timbulah satu persoalan bagaimakah konsep peradaban masyarakat dahulu kala yang dicapai ketika itu. Dalam kajian ini akan menilai pencapaian peradaban dan ketamadunan berdasarkan penilaian yang berfokus kepada aspek keluhuran adab dan tingkah laku masyarakat. Hasil kajian ini akan dapat membezakan amalan adab masyarakat kini dan masyarakat terdahulu. Melalui kajian dan penelitian ini boleh merumuskan sejauh mana tahap pencapaian adab masyarakat terdahulu dan sekarang.

Justeru, bagi mendedahkan kepada masyarakat supaya memahami konsep peradaban yang sebenar, dengan cara supaya masyarakat mengetahui amalan adab masyarakat Melayu terdahulu serta mengetahui kejayaan yang telah dicapai oleh masyarakat Melayu ketika itu, maka satu kajian yang mendalam berkaitan dengan adab masyarakat Melayu lama yang wujud dalam teks *Hikayat Hang Tuah* perlu dikaji

Melayu lama yang wujud di dalam *Hikayat Hang Tuah*. Penceritaan hikayat yang merangkumi kehidupan masyarakat Melayu terdahulu menarik minat pengkaji untuk menyelidik lebih mendalam mengenai keluhuran adab dan tingkah laku yang wujud dalam jiwa masyarakat Melayu terdahulu. Amalan adab yang dikaji ini akan dijadikan sebagai kayu pengukur kepada kejayaan empayar Melayu Melaka. Cara amalan adab apakah yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu sehingga kita boleh menilai empayar Melaka telah mencapai sebuah negara yang mempunyai peradaban dan ketamadunan yang tinggi.





1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menerangkan maksud adab dan peradaban dalam konteks yang sebenar.
2. Mengenal pasti jenis amalan adab yang wujud dalam *Hikayat Hang Tuah*.
3. Menganalisis kesan amalan adab yang dicapai dalam *Hikayat Hang Tuah*.

1.4 Soalan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji mengemukakan beberapa persoalan bagi menentukan objektif kajian tercapai. Antaranya ialah:



1. Apakah maksud adab dan peradaban dalam konteks yang sebenar?
2. Apakah jenis amalan adab yang terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah*?
3. Bagaimanakah kesan amalan adab dalam *Hikayat hang Tuah*?

1.5 Kepentingan Kajian

Seperti mana yang disentuh pada awal perbincangan, kajian ini dilakukan untuk menganalisis dan meneliti unsur adab dan tatacara kehidupan orang Melayu terdahulu yang terdapat dalam teks *Hikayat Hang Tuah*. Maka, dalam hal ini kepentingan penyelidikan ini dapat dilihat daripada pelbagai aspek antaranya:



1.5.1 Rujukan Kepada Umum Berkaitan Amalan Adab Tradisi Masyarakat Melayu.

Kajian ini dilakukan bagi mengetahui nilai peradaban masyarakat Melayu lama yang diamalkan dahulu kala. Nilai peradaban ini berfokus kepada adab dan tingkah laku yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Kajian ini juga bertujuan menjadi panduan kepada masyarakat kini tentang amalan adab yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu. Tujuannya supaya masyarakat boleh membezakan amalan adab masyarakat kini dengan masyarakat terdahulu. Perkara ini memberi kesedaran kepada masyarakat tentang konsep amalan adab yang diamalkan.

Di samping mengetahui amalan adab masyarakat Melayu yang wujud dalam *Hikayat Hang Tuah*. Kajian ini juga dilakukan bertujuan agar masyarakat boleh mendefiniskan maksud peradaban dalam konteks yang sebenar. Mengetahui dan memahami maksud peradaban dan erti kata ketamadunan amatlah penting dalam membuat penilaian terhadap pencapaian peradaban sesuatu bangsa. Masyarakat tidaklah membuta tuli dan berlumba-lumba terhadap perkara yang tidak bermanfaat sedangkan perkara tersebut boleh merosakkan masyarakat kelak. Perkara utama dalam pencapaian peradaban harus diterapkan agar generasi akan datang mencapai sebuah peradaban yang masih berpegang kepada adab orang timur dan menjunjung falsafah pengaruh agama Islam.

Kajian ini juga amat penting sebagai rujukan kepada generasi akan datang tentang adab masyarakat Melayu yang perlu diwarisi. Jika adab ini tidak diwarisi maka hilanglah identiti Melayu asli yang penuh dengan nilai kesenian, kesopanan tatasusila dan sebagainya. Sebagaimana kata-kata azimat Melayu yang tidak pernah



pudar dalam identiti orang Melayu ‘takkan Melayu hilang di dunia’ . Kata-kata ini biarlah diwarisi dengan wujudnya identiti Melayu dari segi adab, kesopanan, kesantunan dan kesenian supaya tidak hilang ketuanan Melayu akan datang.

1.5.2 Penelitian Manuskrip atau Naskhah Melayu Dari Sudut Kaca Mata Melayu.

Sumbangan Barat sebagai pelopor dalam kajian manuskrip Melayu tidak perlu diketepikan dan memang wajar dihargai. Sumbangan beliau dalam mengkaji, transliterasi dan menganalisis teks-teks sastera Melayu klasik menjadi panduan kepada sarjana-sarjana Melayu dalam penyelidikan. Walau bagaimanapun, mereka tidak mengkaji manuskrip itu sebagai dokumen sejarah atau sumber sastera Melayu tradisional. Sebaliknya, mereka membandingkan dengan sumber karya di luar teks itu atau dengan teks negara lain. Terutama kajian yang melibatkan transliterasi teks-teks lama bertulisan jawi dan menterjemahkan pula kepada bahasa lain. Kajian seperti ini bukan sahaja memerlukan kepakaran transliterasi malah pengaruh pemikiran pengkaji dengan sosial persekitaran juga diperlukan.

Pandangan Barat dalam mengkaji teks sastera Melayu amat dipengaruhi oleh unsur luar dan keadaan persekitaran yang berbeza. Dari sudut Barat kadang kala kajian yang mempunyai unsur atau pengaruh seorang penjajah dan bukan sebagai masyarakat tempatan. Pandangan Barat dalam kebanyakan hasil karya juga dilihat mempunyai unsur-unsur daripada teks luar yang diambil daripada negara lain.

Maka dalam konteks di atas, kita memerlukan sebuah kajian yang berorientasikan pandangan dan teori kita sendiri. Dalam hal itu, satu kajian manuskrip





atau teks sastera Melayu perlu dikaji oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Sekalipun kajian ini bukanlah satu kajian transliterasi teks tetapi hanyalah analisis teks yang telah ditransliterasikan oleh Kassim Ahmad (2016). Bagi mempelbagaikan kajian analisis teks yang berdasarkan pandangan orang Melayu itu sendiri perlu dilakukan. Dengan ungkapan yang lain, penelitian dan penganalisisan naskhah Melayu perlu dibuat berlandaskan ilmu kemasyarakatan, psikologi, politik, sejarah dan falsafah masyarakat Melayu sendiri.

1.5.3 Pertambahan Bilangan Penyelidikan Dalam Sastera Melayu

Kajian ini juga dapat dilihat boleh menambahkan bilangan penyelidikan dalam bidang kesusasteraan Melayu. Tidak dinafikan penyelidikan berkaitan sastera Melayu telah banyak dilakukan oleh ramai sarjana. Tetapi, penyelidikan yang bersifat terkini dan terbaru dilihat kurang dilakukan terutama kajian manuskrip Melayu. Sebagaimana Ding (2009) yang mendapati hanya sekitar 30% daripada 10,000 buah manuskrip Melayu sahaja yang telah dikaji. Hal ini memberi gambaran bahawa masih banyak ilmu dan maklumat peribumi Melayu dalam pelbagai bidang yang belum diketahui umum. Justeru, kajian pada kali ini dilihat dapat menambahkan koleksi kajian atau penyelidikan yang terkini.





1.6 Definisi Konsep dan Operasional

1.6.1 Adab

Adab bukanlah satu istilah yang baharu dalam dunia ketamadunan. Istilah yang digunakan bagi menggambarkan keilmuan mahupun kejahiran sesuatu masyarakat. Adab dan peradaban mempunyai maksud yang berbeza keduanya. Peradaban memberi maksud dalam konteks yang amat luas dalam erti kata yang sebenar. Jika kita melihat maksud nilai peradaban sendiri yang merangkumi pencapaian sesebuah masyarakat atau negara yang maju dan aman sejahtera. Negara atau masyarakat yang mencapai nilai peradaban yang tinggi merupakan masyarakat yang mempunyai keilmuan yang tinggi dalam pelbagai aspek atau lebih tepat sudah terkeluar daripada kelompok jahiliah.



Manakala adab pula mempunyai nilai dan maksud yang tersendiri. Adab boleh didefinisikan sebagai tingkah laku serta tutur kata yang halus, sopan, budi bahasa dan budi pekerti yang halus. Adab juga merupakan perkataan asal yang dipinjam daripada perkataan bahasa Arab memberi makna secara *harfiah* ialah prinsip bertingkah laku (Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2005). Jadi kata adab bererti perilaku, perbuatan, kesantunan, moral, sopan santun, kesusilaan, kemanusiaan. Norma tentang erti kata adab ini digunakan dalam pergaulan antara manusia, antara tetangga dan antara kaum. Tafsiran mengenai adab ini jelas merangkumi aspek perilaku manusia sama ada diterima di dalam norma masyarakat ataupun tidak.

Dalam konteks Islam, adab juga mempunyai pengertian yang luas. Menurut A *Dictionary of Islam* (1885, p.10) adab bermaksud *discipline of the mind and manners*,





good education and good breeding, politeness, deportment, a mode of conduct or behaviour (dalam Jelani Harun, 2003). Petikan ini merupakan tentang makna adab dalam tradisi pemikiran Islam yang berkaitan dengan panduan dan pendidikan tingkah laku manusia. Maksud adab menurut petikan pemikiran Islam di atas menepati konteks kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Sebagaimana pandangan alam Islam yang memberi definisi adab merupakan sebuah kelakuan yang betul yang menuntut pengawalan diri sendiri dengan pengawasan yang berasaskan ilmu dan bersumberkan hikmah (Mohd Zaidi Ismail, 2012).

Adab masyarakat Melayu yang wujud dalam *Hikayat Hang Tuah* boleh dijelmakan melalui pelbagai aspek. Berdasarkan kepada sumber makna adab itu merupakan tingkah laku atau amalan, maka dalam *Hikayat Hang Tuah* telah wujud

amalan atau tingkah laku yang sopan dan diterima oleh norma masyarakat. Amalan atau akhlak yang diamalkan ketika itu jelas dipengaruhi oleh satu budaya Islam akibat daripada pengaruh empayar Islam yang berkembang ketika itu. Sebagai contoh, adab orang Melayu dalam seni bela diri, adab dengan pemimpin atau Raja, adab berguru, adab bersahabat, adab berkeluarga, adab berpakaian, adab pertuturan dan adab dalam pergaulan masyarakat.

Secara tidak langsung, ini menggambarkan nilai adab yang wujud pada masyarakat dahulu kala dan perkara sebegini mencerminkan identiti orang Melayu itu sendiri. Gambaran mengenai takrifan adab ini membuka mata masyarakat agar lebih memahami erti adab itu sendiri dan boleh menilai perbuatan adab yang tidak melanggar etika masyarakat Melayu atau orang timur. Di samping itu, masyarakat boleh menilai adab orang terdahulu yang mengandungi unsur kemuliaan kesan





dari pada pengaruh ajaran Islam yang jelas telah bertapak semenjak zaman kegemilangan Hang Tuah.

1.6.2 Masyarakat

Definisi bagi perkataan masyarakat telah banyak dibahaskan oleh kebanyakan sarjana. Cendekiawan-cendekiawan atau para ahli sarjana Timur mahupun Barat jelas dalam perbahasan beliau mengenai erti kata masyarakat. Secara umum, pengertian masyarakat bererti satu kelompok atau individu yang hidup bersama. Menurut istilah bahasa, masyarakat merupakan kata istilah yang berasal dari pada perkataan Arab dengan kata “*syaraka*” yang bermaksud ikut serta. Manakala dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai “*society*” yang bererti interaksi sosial ataupun rasa kebersamaan.



Wilkinson (1986) berpendapat bahawa masyarakat adalah manusia yang hidup bersama dalam ekologi setempat. Berdasarkan pandangan ini masyarakat boleh diertikan sebagai kelompok individu yang diorganisasikan dan mengikut suatu cara hidup tertentu. Menurut Mansyur Fakih masyarakat adalah sebuah sistem yang terdiri atas bahagian-bahagian yang saling berkaitan antara masing-masing secara terus menerus mencari keseimbangan dan harmoni.

Jadi erti kata masyarakat di sini jelas mempunyai maksud yang tersendiri dan diterima pakai dalam pelbagai keadaan. Sarjana dari Timur dan Barat mendefinisikan maksud masyarakat dengan pemahaman yang hampir sama dan diterima oleh ramai golongan dan cendekiawan.





1.6.3 Melayu

Definisi tentang Melayu atau asal usul masyarakat Melayu sering kali menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana. Ini kerana asal usul orang Melayu itu sendiri yang dikaji mempunyai latar belakang dan rumpun yang berbeza-beza. Dengan ras dan etniknya tersendiri. Hal ini juga berlaku kerana kewujudan masyarakat Melayu dahulu kala bukanlah satu golongan masyarakat yang minoriti bahkan telah mendiami di pelosok negara. Sebagaimana catatan sejarah mengenai kerajaan Melayu yang wujud pada abad ketujuh lagi. Ketika itu Melayu merupakan kuasa besar dan mempunyai empayar meliputi perdagangan maritim Asia. Sebagaimana kita sedia maklum empayar Melayu ketika itu dikenali sebagai kerajaan Srivijaya.

Dalam mendefinisikan orang Melayu, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diketahui terlebih dahulu. Antaranya ialah mengenai teori kedatangan atau kemunculan orang Melayu di alam Melayu. Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2005) menerangkan terdapat dua teori asal usul Melayu iaitu teori migrasi dan teori Nusantara. Teori migrasi mendakwa orang Melayu berasal dari selatan Yunan. Ada sarjana berpendapat orang Melayu adalah orang Mongoloid daripada kumpulan Indonesia yang telah berhijrah ke selatan dari tenggara China kira-kira 3000 tahun yang lalu. Mereka dikenali sebagai Melayu Deutro atau Melayu pantai yang telah tersebar di kepulauan Melayu dan akhirnya membentuk kependudukan di Malaysia (M.W.F Tweedie, 1957 dalam Mohd Koharuddin Mohd balwi, 2005).

Terdapat sarjana yang menolak andaian atau teori mengenai asal usul orang Melayu yang berdasarkan teori migrasi. Sebaliknya menyebut masyarakat atau orang Melayu berasal dari alam Melayu ini sendiri berdasarkan kajian oleh ahli arkeologi



yang telah membuat kesimpulan bahawa masyarakat Melayu telah wujud dan didiami oleh manusia sejak 35000 tahun (Wan Hashim Wan Teh, 1986 dalam Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2005). Kewujudan ini dikenali sebagai teori Nusantara yang menjelaskan bahawa orang Melayu berasal dari alam Melayu atau Nusantara itu sendiri. Kajian Wan Hashim ke atas masyarakat yang tinggal di Yunan, China didapati tiada persamaan dengan ciri-ciri masyarakat Melayu dari aspek budaya dan linguistik.

Pengkaji antropologi pula mentakrifkan kewujudan manusia di dunia kepada enam kelompok berdasarkan ciri fizikal, warna kulit, bentuk muka, hidung, rambut, genetik, linguistik dan budaya. Orang Melayu dikategorikan sebagai Ras Melayu Polinesia iaitu masyarakat yang mempunyai kulit ciku masak atau sawo matang. Ras orang Melayu Polinesia ini dicirikan dari segi persamaan bahasa, linguistik dan

Nusantara sama ada dari Filipina, Bali, penduduk Pulau Malagasi, orang Maori serta Hawaii di kepulauan pasifik sekalipun mereka bukan beragama Islam. Begitu juga orang Batak di sumatera dan kelompok peribumi Sabah dan Sarawak seperti Dayak, Kadazan, orang Ulu dan sebagainya. Mereka ini dikenali sebagai orang Melayu-Polinesia.

Ras Melayu ini pula dipecahkan kepada ratusan suku kaum atau etnik seperti Melayu Riau, Jawa, Bugis, Minangkabau, Aceh, Banjar, Mandailing, Rawa, Sunda, Kerinci, Patani, Kelantan, Terengganu dan Champa. Ras Melayu atau dikenali rumpun bangsa Melayu Polinesia ini dikatakan tersebar luas di serata dunia. Secara kesimpulannya orang Melayu boleh didefinisikan berdasarkan konsep Ras berdasarkan antropologi yang mengelaskan orang Melayu sebagai ras Melayu



Polinesia yang secara fizikalnya berkulit sawo matang. Ras ini pula dipecahkan kepada beberapa etnik dan suku kaum yang berbeza tempat, adat budaya dan dialek.

1.6.4 Melayu Menurut Perlembagaan Malaysia

Menurut perlembagaan Malaysia, orang Melayu didefinisikan sebagai orang Melayu atau masyarakat Melayu yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan cara hidup Melayu. Selain daripada boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat tradisi Melayu faktor agama menjadi asas penerimaan sebagai seorang warganegara Melayu di Malaysia.



Hikayat Hang Tuah merupakan sebuah karya sastera Melayu yang termasyhur. Hikayat ini juga merupakan satu epik atau teks sastera Melayu klasik yang telah menceritakan tentang kewujudan masyarakat Melayu pada zaman kesultanan Melayu Melaka dahulunya. *Hikayat Hang Tuah* juga merupakan sebuah epik Melayu yang bukan sahaja terkenal dalam kalangan bangsa Melayu tetapi di seluruh Nusantara dan salah satu manuskrip atau teks yang tertua. Penulisan *Hikayat Hang Tuah* yang asal telah ditulis dalam tulisan jawi. Pertama kali hikayat ini dihasilkan pada akhir kurun ke-17 serta terdapat 20 manuskrip teks tersebut. Hikayat ini memperlihatkan ciri-ciri kepahlawanan pada zaman kesultanan Melayu yang mencatatkan watak Hang Tuah sebagai tokoh agung dan lambang kemegahan bagi bangsa Melayu. Hikayat ini juga menceritakan tentang cara kehidupan dan peradaban masyarakat Melayu terdahulu.





Hikayat ini menjadi tumpuan para pengkaji sejarah dalam mencari rahsia kebenaran dan cara kehidupan masyarakat ketika itu.

1.6.6 Teori Kajian Budaya (*Cultural studies theory*)

Teori kajian budaya atau *cultural studies theory* merupakan teori yang dikatakan berkembang selepas teori historisme baru (Mana Sikana, 2012). Teori ini dikelompokkan sebagai teori yang mengkaji atau menganalisis teks-teks sastera yang melihat hubungan, peranan dan fungsinya kepada pembaca.

Mana Sikana (2012) menjelaskan bahawa teori kajian budaya juga bermaksud satu usaha pembaca untuk melihat hubungan antara teks, pengarang dan pembaca dengan sosial, politik, ekonomi, bahasa, agama dan kesenian hasil refleksi terhadap pembacaan sesebuah teks sastera. Teori ini secara jelas melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan pembentukan individu dan peranannya dalam pembentukan masyarakat. Justeru, teori ini mempunyai persamaan luasnya dengan pengertian budaya. Sebagaimana pengasas teori budaya Alan Sinfield (1992 dalam Mana Sikana 2012) menyatakan bahawa teori budaya mengkaji segala tindakan manusia dan membentuk masyarakatnya. Edward B. Taylor (1871 dalam Mana Sikana 2012) telah mentakrifkan budaya merupakan satu keseluruhan yang kompleks mengandungi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, akhlak, undang-undang, adat dan kebolehan serta tabiat lain yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Jadi, jelas dapat disimpulkan teori kajian budaya telah memberi ruang kepada satu kajian budaya yang lebih mendalam, dan menyeluruh terhadap teks-teks sastera.





Sebagaimana Mana Sikana (2012) menjelaskan teori kajian budaya mengkaji teks-teks sastera daripada sudut budaya dan hubungannya dengan budaya material. Teori kajian budaya ini juga sangat menyanjung teks-teks yang menggambarkan perjuangan individu atau masyarakat dalam membina peradaban yang sempurna.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah mengenai adab masyarakat Melayu lama yang terdapat dalam teks *Hikayat Hang Tuah*. Kajian hanya berfokus kepada adab masyarakat Melayu lama pada zaman kesultanan Melayu Melaka yang lahir pada abad ke-15. Segala maklumat akan dikaji berdasarkan bacaan di dalam epik sastera Melayu *Hikayat Hang Tuah* yang pernah dikaji dan diterjemahkan oleh Kassim Ahmad pada tahun 1964. Buku *Hikayat Hang Tuah* yang menjadi rujukan penulis pada kali ini adalah merupakan kandungan teks asal yang pernah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan naskhah tulisan tangan berhuruf jawi kepunyaan Almarhum Tengku Ibrahim ibni Almarhum Tengku Muhammad.

Hasil usaha penyelidik Kassim Ahmad dan Dewan Bahasa ketika itu, beliau berjaya merumikkan kandungan teks tersebut dan berjaya menghasilkan buku *Hikayat Hang Tuah*. Buku ini diterbitkan buat kali pertama pada tahun 1964. Setelah itu, Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan semula dalam edisi karya agung Melayu pada tahun 1997. Selepas beberapa tahun berlalu *Hikayat Hang Tuah* edisi terkini telah berjaya diterbitkan sekali lagi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2008 tanpa mengubah teks asal hikayat tersebut. Buku *Hikayat*





Hang Tuah selenggaraan Kassim Ahmad edisi 2008 ini menjadi rujukan dan sumber pertama kepada pengkaji dalam kajian ini.

Kajian ini juga dijalankan berdasarkan beberapa bacaan jurnal, tesis buku dan kertas kerja berkaitan *Hikayat Hang Tuah* yang telah dikaji oleh beberapa orang penulis lain antaranya Haron Daud (2001), Tengku Intan Marlina (2013), Hussin bin Sarif (2010) ,Kamaruddin M. Said (2007) Abu Hassan Sham (1974), Zainal Abidin Abdul Wahid (2008), Mohd Yusoff Hashim (2008), Rogayah A. Hamid (2004), A.Aziz Deraman (2010) dan Mohd Zaidi Ismail (2012). Aspek kajian ini membolehkan kita mengkaji dan mengetahui sejauh mana nilai peradaban dari aspek tingkah laku dan adab yang wujud pada zaman tersebut. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji bagaimana cara bersosial masyarakat yang wujud pada zaman



Pengkaji cuba memilih *Hikayat Hang Tuah* sebagai sumber rujukan utama adalah berdasarkan beberapa sebab. Antaranya adalah, pengkaji melihat hikayat versi ini merupakan salah satu hikayat yang ditulis berdasarkan dari sudut pandang orang Melayu. Sebagaimana teks *Hikayat Hang Tuah* sahaja mempunyai banyak versi daripada Barat dalam versi yang lain. Hikayat ini juga merupakan satu satunya Hikayat Melayu asli yang tiada unsur atau pengaruh dari luar. Sebagaimana *Hikayat Cekel Waneng Pati* yang berasal dari Jawa, *Hikayat Seri Rama* dan *Hikayat Sang Boma* yang mempunyai unsur Hindu, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Hanafiah* yang diterjemahkan daripada sumber-sumber Islam.





Selain daripada itu, *Hikayat Hang Tuah* juga mempunyai kelebihan yang lain seperti tidak terdapat satu pun karangan lama sebelumnya atau selepasnya yang memperlihatkan aliran realisme. Seperti mana *Hikayat Seri Rama* yang melukiskan suatu dunia dewa-dewa. *Hikayat Malim Deman* dan *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* yang berupa cerita dongeng. Tetapi *Hikayat Hang Tuah* mengisahkan manusia Melayu yang hidup pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Hikayat ini merupakan kisah tentang bangun dan jatuhnya Melaka. Hikayat ini tidak lain tidak bukan merupakan sebuah pusaka sastera.

1.8 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bab ini menceritakan mengenai pengenalan mengenai aspek kajian yang berfokus kepada analisis teks sastera Melayu klasik yang mana terdapat banyak nilai-nilai dan panduan dalam kehidupan bermasyarakat. Aspek kajian yang bertujuan meneliti unsur adab yang terdapat dalam hikayat ini akan diteliti dan dikaji unsurnya dalam bab yang seterusnya.

